



UCAPAN DASAR PRESIDEN PAS

YB TAN SRI DATO' SERI TUAN GURU HAJI ABDUL HADI AWANG

KEMBALI KEPADA PENYELESAIAN ISLAM



MUKTAMAR TAHUNAN PARTI ISLAM SE-MALAYSIA (PAS) KALI KE-71
15 & 16 SEPTEMBER 2025 | KOMPLEKS PAS KEDAH

ISI KANDUNGAN

A. MUQADDIMAH	3
B. TEMA MUKTAMAR: KEMBALI KEPADA PENYELESAIAN ISLAM	5
C. MENANGANI CABARAN DENGAN PENYELESAIAN ISLAM	8
Mempertahankan Kedudukan Islam di dalam Negara	9
Membetulkan Kecelaruhan Pemikiran Umat	10
Menangani Isu Ekonomi	13
Mendepani Isu Geopolitik	15
Memanfaatkan Perubahan Teknologi	17
Membangun Nilai Manusiawi	18
D. MEMIMPIN KEMBALI KEPADA ISLAM	19
Memenuhi Ciri-ciri Parti Islam	19
Menyatukan Umat bersama Islam	20
Memilih Pendekatan Damai	21
Menjamin Kestabilan dan Keharmonian Kaum	23
E. MEMPERTAHANKAN KEMENANGAN	25
F. MENDISIPLINKAN JENTERA PARTI	26
G. AGENDA BERTINDAK	28
Menguasai Pengundi Anak Muda	28
Mempersada Peranan Ulama'	28
Menggerakkan Aktiviti Kebajikan Rakyat	28
Meningkatkan Sokongan Rentas Kaum	28
Mengukuhkan Organisasi Parti	30
Memperkasa Tarbiah dan Perkaderan	31
H. PENUTUP	31

UCAPAN DASAR PRESIDEN PAS
MUKTAMAR TAHUNAN PARTI ISLAM SE-MALAYSIA (PAS)
1447 H / 2025 M

“KEMBALI KEPADA PENYELESAIAN ISLAM”

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته.

الحمد لله وحده، صدق وعده، ونصر عبده، وأعز جنده، وهزم الأحزاب وحده.

أشهد أن لا إله إلا الله وحده لا شريك له، له الملك وله الحمد، وهو على كل شيء قدير. وأشهد أن محمدا عبده ورسوله، البدر الدجى والسراج المنير. والصلاة والسلام على حبيبنا وشفيعنا وإمامنا وقودتنا محمد، إمام المتقين، وقائد الدعاة المجاهدين، وعلى آله وصحبه والتابعين بإحسان إلى يوم الدين.

Yang Berhormat Senator Tuan Pengerusi Tetap, Yang Berhormat Timbalan Pengerusi Tetap;

Yang Dihormati Sahibul Fadilah Dato' Mursyidul 'Am, Yang Berhormat Dato' Bentara Kanan Timbalan Mursyidul 'Am, Ashab al-Fadilah Ahli-Ahli Majlis Syura Ulamak;

Yang Berhormat Dato' Sri Timbalan Presiden, Naib-Naib Presiden, Yang Berhormat Datuk Seri Setiausaha Agung, serta Ketua-Ketua Dewan, Dewan Ulamak, Dewan Pemuda, Dewan Muslimat, Dewan As-Sabiqun dan Dewan Himpunan Pendukung PAS;

Yang Dikasihi Ahli Jawatankuasa Kerja PAS Pusat, seluruh Pesuruhjaya PAS Negeri;

Yang Amat Berhormat Menteri-Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli Dewan Negara, Ahli Dewan Rakyat, dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN);

Yang Diraikan Para Tetamu daripada Perikatan Nasional, Dif Kehormat, Delegasi Luar Negara, serta Rakan Media;

Panitia Muktamar dan Badan Perhubungan PAS Negeri Kedah sebagai Tuan Rumah; seterusnya para Perwakilan dan Pemerhati yang dikasihi sekalian.

A. MUQADDIMAH

Saya ucapkan “*Ahlan Wa Sahlan Wa Marhaban Bikum*”, Selamat Datang, dan Selamat Bermuktamar kepada semua perwakilan, pemerhati, dan tetamu yang hadir bagi memeriahkan Muktamar Tahunan PAS kali ke-71 yang diadakan pada tahun ini di Negeri Kedah Darul Aman.

*Kedah negeri jelapang padi,
Luas terbentang damai memandang;
PAS memimpin berakhlak budi,
Istiqamah hingga Islam dijulang.*

Pada muktamar yang lalu, kita memperingatkan bahawa Islam adalah penyelesaian, berpandukan hidayah Allah yang mewajibkan Islam kepada seluruh alam. Firman Allah SWT:

أَفَعَيِّرَ دِينَ اللَّهِ يَبْغُونَ وَلَهُ أَسْلَمَ مَنْ فِي السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ
طَوْعًا وَكَرْهًا وَإِلَيْهِ يُرْجَعُونَ ﴿٨٣﴾

“Maka, adakah mereka mencari agama yang lain daripada agama Allah, padahal kepada-Nyalah menyerahkan diri segala apa yang di langit dan di bumi, baik dengan suka mahupun terpaksa, dan hanya kepada Allahlah mereka dikembalikan.”

Surah Ali ‘Imran: 83

Islam menempa sejarah manusia, menghasilkan *Hadharah Islamiyyah* (Tamadun Islam) yang masih dirasakan oleh seluruh dunia. Malangnya, divedok dengan tidak sempurna kerana memisahkan urusan dunia daripada Islam — petunjuk yang sempurna daripada Allah — kepada mengikuti ciptaan manusia yang lemah, yang mencipta teori sekularisme yang memisahkan urusan pentadbiran dunia daripada Islam.

Tamadun Barat bercirikan kebendaan duniawi yang diambil daripada Tamadun Islam dengan meninggalkan ilmu wahyu petunjuk Allah, dibawa menumpang ideologi ciptaan manusia; menjadikannya gagal menyelesaikan semua masalah, termasuk masalah kemanusiaan diri sendiri, keluarga, masyarakat, dan negara, sehingga merosakkan seluruh kehidupan yang nyata kerana terpesong daripada fitrah alam.

B. TEMA MUKTAMAR: KEMBALI KEPADA PENYELESAIAN ISLAM

Kini, kita sedang menyaksikan keruntuhan moral individu dan institusi keluarga, politik yang zalim dan menipu, keruntuhan ekonomi, sehinggalah kemusnahan alam sekitar.

Politik yang menjadi amanah bertukar menjadi peluang mendapatkan pangkat dan harta sehingga menipu, khianat, dan rasuah. Ekonomi menyembah kebendaan yang mengikuti nafsu mengatasi akal, memonopoli kekayaan tanpa batas halal dan haram, sehingga meninggalkan kewajipan bermasyarakat.

Kemuncak ketamaman manusia merosakkan alam sekitar di lautan dan daratan, mencetuskan peperangan yang melampau sehingga merosakkan alam dunia, sebagaimana yang dibimbangkan oleh para malaikat sebelum diciptakan manusia.

Maka pada muktamar ini, kita membawakan tema, “**KEMBALI KEPADA PENYELESAIAN ISLAM**”, berpandukan peringatan Allah SWT:

ظَهَرَ الْفَسَادُ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ بِمَا كَسَبَتْ أَيْدِي النَّاسِ
لِيُذِيقَهُمْ بَعْضَ الَّذِي عَمِلُوا لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ ﴿٥١﴾

“Telah nampak kerosakan di darat dan di laut disebabkan perbuatan tangan manusia, supaya Allah merasakan kepada mereka sebahagian daripada (akibat) perbuatan mereka, agar mereka kembali (ke jalan yang benar).”

Surah al-Rum: 41

Nyata dengan terang lagi bersuluh kerosakan yang berlaku dalam krisis nilai kemanusiaan, disebabkan oleh kerosakan aqidah, syariat, dan akhlak apabila Islam yang sempurna dicatitkan oleh ciptaan manusia yang lemah.

Keadaan ini laksana hanya sebiji buah kecil yang keluar dari pokok yang buruk, maka buruklah hasilnya, dan kalau pokoknya baik, maka baiklah hasilnya. Firman Allah SWT:

أَلَمْ تَرَ كَيْفَ ضَرَبَ اللَّهُ مَثَلًا كَلِمَةً طَيِّبَةً كَشَجَرَةٍ طَيِّبَةٍ
 أَصْلُهَا ثَابِتٌ وَفَرْعُهَا فِي السَّمَاءِ ﴿٤١﴾ تُوْتِي أَكْلَهَا كُلَّ حِينٍ
 بِإِذْنِ رَبِّهَا وَيَضْرِبُ اللَّهُ الْأَمْثَالَ لِلنَّاسِ لَعَلَّهُمْ يَتَذَكَّرُونَ ﴿٤٢﴾
 وَمَثَلُ كَلِمَةٍ خَبِيثَةٍ كَشَجَرَةٍ خَبِيثَةٍ اجْتُثَّتْ مِنْ فَوْقِ الْأَرْضِ
 مَا لَهَا مِنْ قَرَارٍ ﴿٤٣﴾ يُثَبِّتُ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا بِالْقَوْلِ الثَّابِتِ
 فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَفِي الْآخِرَةِ وَيُضِلُّ اللَّهُ الظَّالِمِينَ ۖ وَيَفْعَلُ
 اللَّهُ مَا يَشَاءُ ﴿٤٧﴾

“Tidakkah kamu perhatikan bagaimana Allah telah membuat perumpamaan kalimat yang baik seperti pohon yang baik, akarnya teguh, dan cabangnya (menjulang) ke langit? (24) Pohon itu memberikan buahnya pada setiap musim dengan seizin Tuhannya. Allah membuat perumpamaan-perumpamaan itu untuk manusia supaya mereka selalu ingat. (25) Dan perumpamaan kalimat yang buruk seperti pohon yang buruk, yang telah dicabut dengan akar-akarnya dari permukaan bumi; tidak dapat tetap (tegak) sedikit pun. (26) Allah meneguhkan (iman) orang-orang yang beriman dengan ucapan yang teguh itu dalam kehidupan di dunia dan di akhirat; dan Allah menyesatkan orang-orang yang zalim dan memperbuat apa-apa yang Dia kehendaki. (27)”

Surah Ibrahim: 24–27

Pokok yang baik ialah petunjuk Allah yang teguh dan kuat bernama Islam. Pokok yang buruk ialah semua ajaran yang lain. Keburukannya disebabkan terkeluar daripada fitrah ketetapan Allah yang membezakan makhluk manusia dengan makhluk yang lain.

Setelah manusia melakukan kerosakan dengan menganut ideologi selain Islam dan mentadbir bumi dengan pendekatan selain Islam, maka Allah SWT menyebut dalam Surah al-Rum tadi, *لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ*, mudah-mudahan mereka yang melakukan kerosakan itu kembali bertaubat kepada Allah SWT, kembali kepada penyelesaian Islam. Jika tidak, mereka kekal dalam kekufuran dan kejahatan yang terus merosakkan bumi ini.

C. MENANGANI CABARAN DENGAN PENYELESAIAN ISLAM

Allah mewajibkan Islam berkuasa mengatasi segala agama yang lain dan diwajibkan memerintah negara dengan menegakkan syiar dan ajarannya, kerana Islam sahaja agama yang boleh memerintah dengan adil kepada semua. Firman Allah SWT:

هُوَ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ لِيُظْهِرَهُ عَلَى
الدِّينِ كُلِّهِ وَلَوْ كَرِهَ الْمُشْرِكُونَ ﴿٩﴾

“Dialah yang mengutus Rasul-Nya dengan membawa petunjuk dan agama yang benar agar Dia memenangkannya atas segala agama, meskipun orang-orang Musyrik membenci.”

Surah al-Saff: 9

Allah juga mewajibkan umat Islam mempertahankan ketinggian Islam dan menolak mereka yang merendahkan kedudukan Islam serta cuba merosakkan keharmonian dalam masyarakat majmuk.

Firman Allah SWT:

...وَلَوْلَا دَفْعُ اللَّهِ النَّاسَ بَعْضَهُم بِبَعْضٍ لَّهُدَمَتْ صَوَامِعُ
وَبِيعٌ وَصَلَوَاتٌ وَمَسَاجِدُ يُذْكَرُ فِيهَا اسْمُ اللَّهِ كَثِيرًا
وَلَيَنْصُرَنَّ اللَّهُ مَن يَنْصُرُهُ إِنَّ اللَّهَ لَقَوِيٌّ عَزِيزٌ ﴿١٠﴾ الَّذِينَ
إِن مَّكَّنَّاهُمْ فِي الْأَرْضِ أَقَامُوا الصَّلَاةَ وَآتَوُا الزَّكَاةَ وَآمَرُوا
بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَوْا عَنِ الْمُنْكَرِ ۗ وَلِلَّهِ عَاقِبَةُ الْأُمُورِ ﴿١١﴾

“...Dan sekiranya Allah tiada menolak (keganasan) sebahagian manusia dengan sebahagian yang lain, tentulah telah dirobuhkan biara-biara Nasrani, gereja-gereja, rumah-rumah ibadat orang Yahudi, dan masjid-masjid, yang di dalamnya banyak disebut nama Allah. Sesungguhnya, Allah pasti menolong orang yang menolong-Nya (agama-Nya). Sesungguhnya, Allah benar-benar Maha Kuat lagi Maha Perkasa. (40) (Iaitu) orang-orang yang jika Kami teguhkan kedudukan mereka di muka bumi, nescaya mereka mendirikan sembahyang, menunaikan zakat, menyuruh berbuat ma’ruf, dan mencegah daripada perbuatan yang mungkar; dan kepada Allah jua kembali segala urusan. (41)”

Surah al-Hajj: 40-41

a. Mempertahankan Kedudukan Islam dalam Negara

Negara kita telah mencapai kejayaan awal dalam rundingan kemerdekaan apabila berjaya meletakkan Islam dalam Perlembagaan Persekutuan bersama hak istimewa Melayu Islam dan bumiputera, disertakan bahasa Melayu menjadi bahasa kebangsaan, sekali gus mengukuhkan kedudukan Islam yang wajib dipertahankan.

Penerimaan kalangan bukan Islam yang dibawa masuk oleh penjajah, sehingga diterima menjadi warganegara ialah melaksanakan mesej kemanusiaan yang ditunjukkan oleh Islam, begitu juga hak beragama bukan Islam berkonsepkan tiada paksaan dalam beragama yang dibawa oleh Islam.

Namun, mutakhir ini, adanya perjuangan yang mahu meminggirkan Islam dan melemahkan kedudukannya. Usaha ini hendaklah ditentang dan dihapuskan kerana boleh merosakkan negara dan hubungan masyarakat majmuk.

Semua perkara yang mengancam Islam, sama ada melalui cara menegakkan syiar yang melampau yang menyalahi undang-undang, langkah berpolitik untuk merampas kuasa politik, ataupun segala usaha melemahkan umat Islam dengan pelbagai cara serta lapangan.

Semua kalangan umat Islam, bermula daripada rakyat sehinggalah para raja dan pemimpin wajib bersuara serta bertindak untuk mempertahankan kemuliaan Islam dan kuasa kedaulatannya yang menjadi amanah besar daripada Allah. Maka, kedudukan Islam di negara ini wajib dipertahankan.

b. Membetulkan Kecelaruhan Pemikiran Umat

Terdapat gerakan *haddathah* (istilah baharu yang diletakkan kepada Islam) seperti reformasi, progresif, konservatif, Islam liberal, Islam sekular, dan lain-lain istilah Barat. Para ulama' menyebut *haddathah* membaharukan Islam seperti membaharukan agama Yahudi dan Kristian yang dianut oleh Barat sehingga terpesong meninggalkan rukun agama dan nas qat'i serta maqasid syariah yang ditetapkan oleh Allah yang tidak boleh diubah. Firman Allah SWT:

... إِنَّ اللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّى يُغَيِّرُوا مَا بِأَنْفُسِهِمْ وَإِذَا أَرَادَ اللَّهُ بِقَوْمٍ سُوءًا فَلَا مَرَدَّ لَهُ وَمَا لَهُمْ مِنْ دُونِهِ مِنْ وَالٍ



“...Sesungguhnya, Allah tidak mengubah keadaan sesuatu kaum sehingga mereka mengubah keadaan yang ada pada diri mereka sendiri. Dan apabila Allah menghendaki keburukan terhadap sesuatu kaum, maka tidak ada yang dapat menolaknya; dan sekali-kali tidak ada pelindung bagi mereka selain Dia.”

Surah al-Ra’d: 11

Disebut oleh sabda Rasulullah SAW:

مَنْ أَحْدَثَ فِي أَمْرِنَا هَذَا مَا لَيْسَ مِنْهُ فَهُوَ رَدٌّ.

“Sesiapa yang mencipta perkara baharu dalam urusan kami (Islam) yang bukan daripada ajarannya, nescaya ditolak.”

**Riwayat al-Bukhari, Sahih al-Bukhari,
Kitab al-Sulh, no. 2697, dan Muslim, Sahih Muslim,
Kitab al-Aqdiyah, no. 1718, daripada ‘Aishah**

Adapun islah dan tajdid bermaksud pembaharuan dalam perkara furuk yang tidak membatalkan rukun dan nas yang nyata atau menambah baik pelaksanaan hukum tanpa mengubahnya.

Allah SWT telah menjadikan manusia makhluk yang bertamadun secara fitrah atau tabii yang ditulis oleh Ibn Khaldun dalam *al-Muqaddimah*:

الْإِنْسَانُ مَدَنِيٌّ بِالطَّبْعِ.

“Manusia itu secara tabiinya bersifat madani.”

**Ibn Khaldun, *Tarikh Ibn Khaldun*,
jld. 1 (al-Muqaddimah), hlm. 54**

Bermaksud manusia perlu bermasyarakat, tidak boleh bersendirian bagi memenuhi kehidupannya, berkumpul, berilmu, dan bertamadun dengan panduan al-din. Bukan sekadar bermasyarakat madani tanpa panduan, kerana Allah menguji manusia sama ada memilih jalan Islam ataupun jalan yang lain.

Madani yang sebenar ialah Islam wajib berkuasa memerintah urusan manusia. Rasulullah SAW ialah teladan terbesar pada akhir zaman, ketika manusia dikurniakan kemajuan ilmu sehingga menghubungkan seluruh manusia di alam dunia terkini.

Masalahnya ‘Malaysia Madani’ dijadikan slogan untuk menipu rakyat dengan kefahaman yang sempit tanpa ilmu; hanya sekadar menipu tanpa haluan dan petunjuk. Slogan itu juga disempitkan sekadar secebis bumi kecil Malaysia di dalam dunia yang luas.

c. Menangani Isu Ekonomi

Kita telah menyaksikan kegagalan fahaman sosialisme dan komunisme kerana ciri-ciri fahaman tersebut berlawanan dengan fitrah manusia. Bahkan, kita juga sedang menyaksikan tanda-tanda merudumnya liberal kapitalisme atas sebab-sebab yang sama.

Justeru, Islam perlu tampil menjadi penyelamat dengan penyaksiannya yang pernah berjaya dalam sejarah zaman keemasannya, bukan sekadar teori yang masih berada pada peringkat percubaan yang gagal seperti dua teori yang berlawanan yang disebut sebelum ini.

Saya pernah menyebut dalam beberapa tulisan saya, bahawa seorang ulama' dan pemikir termasyhur dari India, Maulana Abu al-Hasan 'Ali al-Nadwi RH mengulas berkenaan dasar negara yang diamalkan terbahagi kepada dua pendekatan:

1. Negara hidayah.
2. Negara jibayah.

Negara hidayah bermula dengan pembangunan insan, merangkumi aspek jasad, akal, roh, keluarga, dan masyarakat yang berintegriti, berprinsipkan aqidah yang diperjuangkan oleh para anbiya', meletakkan keimanan (kepercayaan) kepada Allah dan janji-Nya, serta ada perhitungan dosa dan pahala dalam semua urusan manusia, termasuk urusan negara yang menjadi tanggungjawab yang paling besar.

Adapun negara jibayah berprinsipkan kebendaan yang bergantung kepada hasil kewangan melalui apa-apa sahaja yang dapat disambar, sama ada hasil cukai ataupun bukan cukai.

Terpenting kepada mereka ialah peruntukan kewangan dan hasil kebendaan yang sebanyak-banyaknya tanpa mengira sama ada benar atau salah, halal atau haram, mahupun adil atau zalim, sehingga sanggup membebankan rakyat. Ini berbeza dengan sistem zakat dan percukaian Islam yang hanya diwajibkan kepada yang mampu sahaja dan dibebaskan kepada kalangan yang tidak mampu.

Negara kini dibebankan dengan hutang yang banyak, dan lebih malang lagi, dihindang penyakit dosa riba yang diharamkan dan diperangi oleh Allah dan Rasul-Nya. Riba tetap menjadi rukun Bank Dunia (World Bank) dan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) yang dijadikan kiblat ekonomi oleh negara yang berteraskan kebendaan.

Kita perlu merakyatkan ekonomi dengan penglibatan rakyat untuk menggerakkan ekonomi, seterusnya memastikan limpahan ekonomi dapat dinikmati oleh rakyat terbanyak. Pendekatan ekonomi berkeadilan membuka lebih ruang untuk menyelesaikan masalah kemiskinan dan jurang kaya-miskin melalui penglibatan pihak kerajaan, swasta, dan usahawan untuk membangunkan sektor usahawan tani, usahawan desa, dan usahawan belia.

Ekonomi perlu disusun semula supaya kekayaan tidak berpusing dalam kalangan orang tertentu sahaja. Hasil sedikit boleh diurus dan ditambah dengan ilmu dan kebijaksanaan serta dikawal tidak bocor, kerana percaya dosa dan pahala serta akhlak yang mulia, sehingga menghalang salah laku, penyelewengan, dan rasuah.

Adapun agenda pembangunan bandar hendaklah bersifat seimbang dari aspek kemajuan, demografi, dan kesejahteraan hidup rakyat tanpa menyisihkan atau meminggirkan mana-mana pihak.

d. Mendepani Isu Geopolitik

Kita tidak boleh berpisah dengan isu Palestin yang menjadi mangsa kezaliman Zionis yang paling kejam dan mana-mana sahaja umat Islam yang dizalimi, sehingga menyentuh kalangan umat bukan Islam yang berperikemanusiaan. Maka, kita wajib bergerak, termasuk bersama umat manusia yang menjalinkan hubungan kemanusiaan bersama kita.

Kejayaan kumpulan Islam di Palestin menunjukkan model tidak melampau dalam peperangan menentang keganasan rejim haram Israel dilihat oleh seluruh dunia, berpandukan firman Allah SWT:

وَقَاتِلُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ الَّذِينَ يُقْتُلُونَكُمْ وَلَا تَعْتَدُوا إِنَّ اللَّهَ
لَا يُحِبُّ الْمُعْتَدِينَ ﴿١٩٠﴾

“Dan perangilah di jalan Allah orang-orang yang memerangi kamu, (tetapi) janganlah kamu melampaui batas, kerana sesungguhnya, Allah tidak menyukai orang-orang yang melampaui batas.”

Surah al-Baqarah: 190

Kumpulan Islam Palestin menunjukkan contoh peperangan yang tidak melampau dan layanan terhadap tawanan musuh yang berbeza dengan pelampau Zionis. Perkara ini menarik perhatian seluruh dunia sehingga Israel dipulaukan oleh masyarakat antarabangsa.

Kita juga sedang menyaksikan Perang Ukraine–Rusia yang berterusan disebabkan provokasi Barat terhadap negara jiran yang menjadi pencabarnya. Malah, situasi di Laut China Selatan perlu diberikan perhatian yang serius, melalui pendekatan diplomasi dan hubungan akrab sesama negara serantau.

Iktibar perlu diambil daripada pengalaman dua perang dunia yang mengorbankan rakyat negeri-negeri tanah jajahan yang dijadikan medan perang lebih besar jumlahnya daripada negara kuasa besar yang berperang.

Kita mengharapkan kerajaan perlu lebih berhati-hati dan bersikap tegas dengan sikap berkecuali tidak mengizinkan rantau Asia Tenggara sekali lagi menjadi medan perang kuasa besar yang bertarung atau menjadi proksi kepada mana-mana pihak.

Dalam menghadapi dunia yang tidak berlaku adil, maka kita perlu meningkatkan kerjasama dengan negara sahabat yang serumpun dan seagama.

e. Memanfaatkan Perubahan Teknologi

Gelombang perubahan teknologi telah mengubah dunia dengan kelajuan yang tidak pernah kita saksikan sebelum ini. Perubahannya bukan sekadar komputer dan mesin, tetapi arus halus yang meresap masuk dalam nadi kehidupan manusia daripada ekonomi, pentadbiran, pendidikan, malah hiburan yang mengisi ruang hati.

Di sinilah letak ujian besar kita sebagai umat Islam. Adakah teknologi ini akan kita jadikan alat untuk membina tamadun, atau kita biarkan ia menjadi senjata yang meruntuhkan akhlak, merobohkan nilai, dan merosakkan manusia?

Islam tidak pernah menolak kemajuan. Sejak wahyu pertama turun dengan kata "*Iqra*", umat ini telah diajar untuk menuntut ilmu, menguasai teknologi, dan memimpin dunia. Tetapi, ingatlah segala kecanggihan yang kita capai mesti tunduk kepada neraca iman. Tanpa syariat yang memandu, teknologi hanyalah pedang bermata dua, yang boleh melahirkan kezaliman baharu, fitnah yang merebak, maklumat yang disalahgunakan, maruah yang diperdagangkan, dan akhlak yang diranapkan.

Sebab itu, kita tegaskan di sini, kecerdasan buatan dan seluruh cabang teknologi mesti ditundukkan bawah panduan wahyu. Agar ia menjadi rahmat, bukan bala. Agar ia menjadi jambatan membina peradaban, bukan jurang yang menenggelamkan kemanusiaan.

Kemajuan ini bukan sekadar soal meniru atau mengejar langkah Barat. Bukan soal kita mengikuti jejak mereka dengan mata yang buta. Tetapi, kita menapisnya dengan aqidah, menimbanginya dengan syariah, dan membina jalannya dengan acuan kita sendiri. Inilah jalan umat yang yakin kepada Tuhannya, yang percaya bahawa teknologi hanyalah alat, sedangkan arah sebenar tetap ditentukan oleh iman.

f. Membangun Nilai Manusiawi

Allah SWT menyebut tentang tugas seorang Rasul dan pewaris yang mengikuti sunnah perjuangan Baginda SAW:

هُوَ الَّذِي بَعَثَ فِي الْأُمِّيِّينَ رَسُولًا مِّنْهُمْ يَتْلُوا عَلَيْهِمْ آيَاتِهِ
وَيُزَكِّيهِمْ وَيُعَلِّمُهُمُ الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ وَإِنْ كَانُوا مِن قَبْلُ لَفِي
ضَلَالٍ مُّبِينٍ ﴿٩٦﴾

“Dialah yang telah mengutus dalam kalangan orang-orang (Arab) yang Ummiyyin, seorang Rasul (Nabi Muhammad SAW) daripada bangsa mereka sendiri, yang membacakan kepada mereka ayat-ayat Allah (yang membuktikan keesaan Allah dan kekuasaan-Nya), dan membersihkan mereka (daripada i'tiqad yang sesat), serta mengajari mereka Kitab Allah (al-Quran) dan Hikmah (pengetahuan yang mendalam mengenai hukum-hukum syarak). Dan sesungguhnya, mereka sebelum (kedatangan Nabi Muhammad) itu adalah dalam kesesatan yang nyata.”

Hari ini, kita melihat masalah sosial semakin parah; anak-anak muda hilang rasa malu, masyarakat semakin miskin akhlak, dan jenayah berleluasa tanpa rasa takut kepada Allah. Inilah tanda bahawa roh pendidikan telah kosong daripada bimbingan agama yang sebenar.

Sekolah sepatutnya menjadi medan melahirkan insan berilmu dan berakhlak, tempat yang selamat untuk menanam benih masa depan umat. Namun, apabila sekolah turut menjadi gelanggang budaya ganas, buli, dan penindasan sehingga berlaku pembunuhan yang sangat tragis, ia membuktikan bahawa pendidikan kita gagal mengembalikan roh Islam sebagai asasnya. Bukan bermaksud tiada pelajaran agama diajar, tetapi roh Islam itu sendiri yang menanam rasa diawasi Allah dan kasih sayang sesama insan.

Apabila roh Islam dihidupkan dalam pendidikan, anak-anak bukan sahaja pandai membaca dan mengira, tetapi juga tahu menghormati, menyayangi, dan takut melakukan kezaliman. Inilah asas yang mesti diperjuangkan oleh semua pihak, kerana dengan Islam sahaja manusia akan selamat daripada kerosakan sosial yang semakin meruncing.

D. MEMIMPIN KEMBALI KEPADA ISLAM

a. Memenuhi Ciri-ciri Parti Islam

Kumpulan Islam yang bercirikan perjuangan yang setia kepada Allah SWT dan Rasulullah SAW dengan istiqamah muncul di seluruh dunia Islam, termasuk penubuhan Parti Islam Se-Malaysia (PAS) di Malaysia.

Kewajipan kita ialah memenuhi ciri-ciri kumpulan Islam dengan istiqamah dan wala' kepada Allah dan Rasul serta kepimpinan yang berpegang teguh dengannya.

Kini, kita berjaya membentuk jentera perjuangan pada semua peringkat. Ulama, Muslimat, Pemuda, dan penyertaan ahli bukan Islam yang tidak ekstrem mengikut teladan Rasulullah SAW bagi mencapai kuasa Islam yang berdaulat.

Semua ini bertujuan membentuk negara berdaulat yang berwawasan dunia hingga akhirat. Bergerak mentadbir dunia yang menjadi jambatan kejayaan hingga Hari Akhirat dalam urusan ibadat, serta mentadbir dan amanah menegakkan keadilan kepada seluruh manusia.

Di mana-mana sahaja ada bumi berpijak, wajib adanya kumpulan yang memimpin kembali kepada Islam. Inilah tujuan penubuhan PAS dan penyertaan kita dalam bahteranya.

b. Menyatukan Umat bersama Islam

Islam telah berjaya memimpin bangsa Melayu daripada jahiliah kepada Islam yang berkuasa. Malangnya, dijatuhkan bersama kejatuhan kuasa besar Islam sehingga dijajah dan diratah oleh penjajah musuh Islam. Namun, umat Melayu Islam tidak menyerah kalah dan terus menentang penjajah mendahului kaum lain yang dibawa masuk oleh penjajah mengikut perancangan mereka, sehingga wujudnya masyarakat majmuk yang terkini.

Kewajipan kita ialah kembali kepada teladan yang ditunjukkan oleh Rasulullah SAW yang menyatukan bangsanya bersama Islam dan mewujudkan kumpulan Islam yang berkuasa.

PAS bertanggungjawab mengajak perpaduan umat untuk melakukan islah daripada kesilapan kerajaan terdahulu dan berusaha menyatukan parti Melayu Islam yang berselerak dengan pendekatan yang berpecah sebelum ini. Seterusnya, menyatukan kalangan bukan Islam yang tidak ekstrem bagi membentuk sebuah negara masyarakat majmuk yang sejahtera.

PAS memperkenalkan pendekatan penyatuan ummah mengikut petunjuk al-Quran berkonsepkan keluarga masyarakat majmuk. PAS menolak sebarang agenda perpaduan kaum yang sempit dan mempunyai wawasan yang terhad.

Pada masa yang sama, PAS sedia berbincang dengan semua pihak yang menunjukkan tanda-tanda keikhlasan untuk mencari jalan penyelesaian supaya kembali kepada Islam. Hal ini sangatlah penting bagi mengatasi masalah umat yang besar, bukan sekadar agenda politik yang sempit, jangka masa pendek, dan tidak beristiqamah bersama Islam.

c. Memilih Pendekatan Damai

PAS terus memilih pendekatan damai (*muwajahah silmiyyah*) kerana inilah pendekatan petunjuk al-Quran yang ditafsirkan oleh kebijaksanaan Rasulullah SAW (al-Sunnah), berkonsepkan menyelamatkan seramai-ramai manusia bersama Islam tanpa paksaan. Maka, PAS terus memilih demokrasi, walaupun banyak kelemahan dan salah lakunya. Namun, hikmah dakwah berjaya kerana hujahnya yang benar.

Kejayaan kerajaan negeri bawah pentadbiran PAS mengatasi masalah rasuah dan salah laku diakui oleh kawan dan lawan, namun kita bersyukur kepada Allah dan mengucapkan sebagaimana yang disebut oleh Abu Bakar RA apabila dipuji:

اللَّهُمَّ أَنْتَ أَعْلَمُ بِي مِنْ نَفْسِي، وَأَنَا أَعْلَمُ بِنَفْسِي مِنْهُمْ، اللَّهُمَّ
اجْعَلْنِي خَيْرًا مِمَّا يَظُنُّونَ، وَاعْفِرْ لِي مَا لَا يَعْلَمُونَ، وَلَا تَوَاخِذْنِي بِمَا
يَقُولُونَ.

"Ya Allah, wahai Tuhanku, Engkau lebih mengetahui berkenaan diriku daripadaku, dan aku lebih mengetahui berkenaan diriku daripada mereka. Wahai Tuhanku, jadikanlah diriku lebih baik daripada sangkaan mereka, ampunilah aku akan apa-apa yang mereka tidak tahu, dan ampunilah aku kerana pujian mereka."

Pendekatan hujah menerang adalah lebih baik daripada menyerang. Tindakan yang adil kepada semua, termasuk terhadap musuh ialah perintah Allah SWT yang berfirman:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُونُوا قَوَّامِينَ لِلَّهِ شُهَدَاءَ بِالْقِسْطِ وَلَا
يَجْرِمَنَّكُمْ شَنَاٰنُ قَوْمٍ عَلَىٰ ءَلَّا تَعْدِلُوا ءَعْدِلُوا هُوَ أَقْرَبُ
لِلتَّقْوَىٰ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ ﴿٨٠﴾

“Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu menjadi orang-orang yang selalu menegakkan (kebenaran) kerana Allah, menjadi saksi dengan adil! Dan janganlah sekali-kali kebencianmu terhadap sesuatu kaum, mendorong kamu untuk berlaku tidak adil. Berlaku adillah, kerana adil itu lebih dekat kepada taqwa, dan bertaqwalah kepada Allah. Sesungguhnya, Allah Maha Mengetahui apa-apa yang kamu kerjakan.”

Surah al-Ma'idah: 8

d. Menjamin Kestabilan dan Keharmonian Kaum

PAS bersedia memimpin Malaysia yang bermasyarakat majmuk, berpegang pada keluhuran Perlembagaan Persekutuan dengan pentafsiran Islam yang sebenar (al-din) tanpa meminggirkan hak dan kepentingan kaum lain.

Percayalah bahawa hanya Islam yang sempurna, adil, dan rahmat dapat menyatukan masyarakat majmuk dengan harmoni dan selamat. Maka, inilah komitmen yang akan terus dipegang oleh PAS sebagai suatu janji kepada rakyat bukan Islam:

- i. Islam mendahulukan perdamaian dan persaudaraan, tanpa paksaan dalam beragama, walaupun Islam berkuasa sepenuhnya;
- ii. Islam mewajibkan pemerintah untuk bersikap adil kepada semua;

- iii. Islam mengizinkan penganut agama lain melaksanakan apa-apa yang diizinkan oleh agama mereka, dengan sempadan menjaga sensitiviti umat Islam; dan
- iv. Islam menyuruh umatnya menjaga sensitiviti penganut bukan Islam, sehingga termasuk dalam perkara aqidah ketuhanan.

وَلَا تَسُبُّوا الَّذِينَ يَدْعُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ فَيَسُبُّوا اللَّهَ
عَدْوًا بِغَيْرِ عِلْمٍ كَذَلِكَ زَيَّيْنَا لِكُلِّ أُمَّةٍ عَمَلَهُمْ ثُمَّ إِلَىٰ
رَبِّهِمْ مَرْجِعُهُمْ فَيُنَبِّئُهُمْ بِمَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿١٠٨﴾

“Dan janganlah kamu memaki sembah-sembahan yang mereka sembah selain Allah, kerana mereka nanti akan memaki Allah dengan melampaui batas tanpa pengetahuan. Demikianlah Kami jadikan setiap umat menganggap baik pekerjaan mereka. Kemudian kepada Tuhan merekalah kembali mereka, lalu Dia memberitakan kepada mereka apa yang dahulu mereka kerjakan.”

Surah al-An’am: 108

E. MEMPERTAHANKAN KEMENANGAN

Dalam Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU-15), PAS telah mencapai kejayaan yang terbesar sejak penubuhannya apabila berkuasa memerintah empat kerajaan negeri dan mendapat jumlah terbesar Ahli Parlimen dibandingkan dengan parti-parti lain. Maka, kita berkewajipan meneruskan perjuangan mengisi kemenangan yang lebih mencabar daripada mencapai kemenangan.

Kita telah menubuhkan *State Government 4* (SG4) bagi mengendalikan empat buah negeri yang kita pimpin dan memberikan penghormatan kepada Tun Dr. Mahathir Mohamad, mantan Perdana Menteri yang membuat kenyataan terbuka bahawa Islam adalah penyelesaian dan berpengalaman menyelesaikan krisis ekonomi dunia yang turut menimpa Malaysia. Pendekatannya melalui kepakaran dan sumber dalam negara tanpa menjemput campur tangan asing.

Walaupun masih banyak halangan bidang kuasa negeri, para ulama' kita menetapkan panduan al-Quran:

لَا يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا ...

"Allah tidak membebani seseorang melainkan sesuai dengan kesanggupannya..."

Surah al-Baqarah: 286

Disimpulkan dengan kaedah:

مَا لَا يُدْرِكُ كُلُّهُ لَا يُتْرَكُ كُلُّهُ.

“Apa yang tidak dapat semuanya, jangan ditinggalkan semuanya.”

Seterusnya, kita berkewajipan mempertahankan Dewan Undangan Negeri (DUN) dan Parlimen yang telah berjaya. Negeri Kelantan, Terengganu, Kedah, dan Perlis yang telah dikuasai oleh PAS dan Perikatan Nasional (PN) ialah ‘Negeri Pangkalan’ yang wajib dipertahankan dan dilaksanakan agenda Islam mengikut bidang kuasa negeri.

Adapun kemenangan seterusnya akan disumbangkan oleh Pahang, Perak, dan Selangor, sekali gus memperkukuh kerusi PAS dan PN di peringkat Parlimen, di samping melonjakkan pencapaian di negeri selatan dan juga di negeri Sabah yang akan menghadapi Pilihan Raya Negeri (PRN) tidak lama lagi.

F. MENDISIPLINKAN JENTERA PARTI

Semua Dewan dan Lajnah wajib bertugas dalam lapangan masing-masing. Laksanakan kewajipan ribat fi sabilillah bagi mencapai kelebihan yang dinyatakan oleh sabda Rasulullah SAW:

رِبَاطُ يَوْمٍ فِي سَبِيلِ اللَّهِ خَيْرٌ مِنَ الدُّنْيَا وَمَا عَلَيْهَا.

“Bertugas satu hari dalam perjuangan menegakkan Islam lebih baik daripada dunia dan segala isinya.”

**Riwayat al-Bukhari, Sahih al-Bukhari,
Kitab al-Jihad wa al-Siyar, no. 2892,
daripada Sahl bin Sa’d al-Sa’idi**

Perjuangan Islam ini menuntut taat, wala’, dan kesetiaan kepada Allah dan Rasul-Nya, serta kepada pemimpin yang taat kepada Allah dan Rasul. Inilah adab pejuang Islam sebagaimana diajar dalam al-Quran dan Sunnah.

PAS mempunyai Majlis Syura Ulamak yang menghimpunkan para ulama’ daripada pelbagai latar belakang ilmu al-Quran, hadis, fiqh, dan lain-lain. Mereka bermesyuarat, berijtihad, dan menetapkan keputusan dengan berpandukan al-Quran dan al-Sunnah yang menjadi rujukan tertinggi. Segala keputusan yang bercanggah dengannya dibatalkan.

Mandatnya diserahkan kepada Majlis Syura Ulamak dan PAS Pusat untuk membuat penelitian dan keputusan dalam urusan berkaitan hukum, dasar, dan strategi bagi menghadapi pilihan raya dan segala kemungkinan selepas pilihan raya, demi memastikan Islam terus memimpin, termasuklah urusan penentuan kerusi dan calon dalam menghadapi PRU-16.

G. AGENDA BERTINDAK

a. Menguasai Pengundi Anak Muda

Tanggungjawab utama bagi Pemuda dan Muslimat ialah mengekalkan sokongan anak muda dalam PRU-16. Maka, Pemuda dan Muslimat mesti agresif menggerakkan program yang dekat dengan jiwa anak muda dan wanita, merentasi batas politik dan kaum. Medan pertemuan perlu dipelbagaikan agar kelompok penting ini dapat didekatkan dengan perjuangan Islam, sekali gus mengukuhkan sokongan menjelang pilihan raya.

Pemuda dan Muslimat juga hendaklah menonjolkan lebih ramai tokoh yang menjadi suara rakyat dan ikon kepada anak muda. Mesti terhadap dalam memperjuangkan isu masyarakat yang mampu mempengaruhi arus pemikiran dan membimbing generasi muda yang semakin pantas berubah. Inilah gelanggang sebenar yang menentukan kemenangan kita dalam PRU-16.

b. Mempersada Peranan Ulama'

Ulama' mesti terhadap untuk menyatukan ahli agama daripada pelbagai aliran ilmu dan madrasah. Perbezaan mazhab yang sepatutnya menjadi khazanah keilmuan sering kali dijadikan senjata musuh untuk melaga-lagakan umat, sehingga tercetus api perpecahan dan akhirnya melemahkan kuasa politik Islam di tanah air.

Atas sebab itu, Dewan Ulama perlu mempergiatkan muzakarah ilmiah secara berterusan, menghimpunkan para ulama' dan cendekiawan untuk membahaskan isu dengan neraca ilmu serta adab Islam.

Selain itu, hendaklah memperbanyak kajian-kajian ilmiah yang dibahaskan melalui penguasaan ilmu yang tafaqquh, merujuk kitab-kitab ulama' muktabar dan terkini, seterusnya menjawab segala salah faham masyarakat terhadap Islam dalam memahami isu-isu semasa yang berlaku.

c. Menggerakkan Aktiviti Kebajikan Rakyat

Agenda kebajikan rakyat ialah agenda penting untuk mendekatkan PAS dengan masyarakat. PAS akan terus membuktikan kesungguhan Lajnah Kebajikan pada setiap peringkat, di samping ketangkasan Khidmat Malaysia dan Jabatan Amal Malaysia dalam memberikan khidmat kebajikan dan bantuan bencana tanpa mengira agama, bangsa, dan fahaman politik, atas semangat berlumba-lumba membuat kebajikan (*fastabiqul khairat*).

PAS juga mesti komited dalam memperjuangkan nasib mereka yang dipinggirkan dan membuktikan kemampuan untuk menjuarai isu-isu rakyat melalui mobilisasi gerakan dan penyelesaian yang ditawarkan kepada rakyat.

d. Meningkatkan Sokongan Rentas Kaum

Dewan Himpunan Pendukung PAS (DHPP), Lajnah Perpaduan Nasional, dan Lajnah Dakwah memikul peranan penting untuk menembusi kawasan majoriti bukan Islam dan undi penentu di kawasan majoriti Islam. Pendekatan ini mesti disusun rapi dan berimpak tinggi, sama ada melalui keterlibatan dalam kerajaan negeri, ataupun membuktikan jaminan hak beragama kepada bukan Islam tidak akan tergugat bawah kepimpinan PAS.

Maka, semua Dewan dan Lajnah hendaklah bergerak dengan semangat 'Se-Malaysia' dan berkebajikan, membuktikan kemampuan untuk menjuarai isu-isu rakyat, membuka pintu penglibatan dengan setiap lapisan masyarakat tanpa mengira kaum atau fahaman politik. Usaha ini mesti diluaskan kepada badan bukan kerajaan (NGO), persatuan, dan tokoh masyarakat, kerana dalam sistem demokrasi, pengaruh sosial jauh lebih besar daripada sekadar angka undi.

e. Mengukuhkan Organisasi Parti

Peranan pentadbiran pada peringkat pusat, negeri, kawasan, dan cawangan mesti menjadi nadi penggerak parti yang aktif dalam mengukuhkan organisasi dan mempertahankan kemenangan yang sedia ada.

PAS Kawasan dan Cawangan perlu terus berganding bahu dengan Ahli Parlimen serta ADUN masing-masing untuk memperkukuh pengaruh parti. Tugas mereka bukan sahaja dalam medan politik, tetapi juga menggerakkan program kebajikan dan khidmat masyarakat.

Seluruh jentera pilihan raya dan penerangan parti pada setiap peringkat perlu dipersiapkan pada tahap paling maksimum, bermula dengan PRN Sabah dan seterusnya menuju PRU-16. Kesiapsiagaan, ketahanan, dan pengorbanan yang tinggi daripada jentera adalah sebahagian besar usaha untuk mencapai kemenangan yang diizinkan oleh Allah SWT.

f. Memperkasa Tarbiah dan Perkaderan

Program-program tarbiah ahli dan pimpinan pada seluruh peringkat hendaklah diperkasakan dan tidak boleh ditinggalkan dengan menumpukan aspek taqarrub (mendekatkan diri kepada Allah), mendalami ilmu agama secara tafaqquh, seterusnya memupuk nilai ukhuwah, istiqamah, dan ikhlas.

Selain itu, pembinaan pelapis kepimpinan wajib dijadikan agenda utama parti. Mereka perlu diasuh, diberikan peluang, dan dipersiapkan sejak awal untuk menggalas tanggungjawab memimpin parti dan negara supaya kelangsungan bahtera ini dapat diteruskan pada masa hadapan.

H. PENUTUP

Jadikanlah muktamar sebagai medan muhasabah diri dan seluruh jentera parti, seterusnya menghayati tema muktamar **“Kembali kepada Penyelesaian Islam”** sebagai hala tuju tindakan pada setiap peringkat.

Pada kesempatan ini, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah menjayakan muktamar, khususnya Panitia Muktamar yang dikendalikan oleh pasukan Setiausaha Agung dan Badan Perhubungan PAS Negeri Kedah, termasuklah kejayaan melaksanakan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kawasan-Kawasan, Dewan-Dewan, dan Cawangan-Cawangan dengan penuh tertib.

Marilah kita memperkuat saf perjuangan dengan agenda tarbiah yang dilaksanakan pada setiap peringkat, seterusnya melebarkan pengaruh parti dan kepimpinan dalam masyarakat dengan agenda dakwah dan kebajikan. Semoga segala usaha ini diterima oleh Allah SWT sebagai amal yang soleh.

Dengan ini, saya merasmikan Muktamar Tahunan PAS Kali Ke-71 dengan menyebut sabda Rasulullah SAW:

سِيرُوا عَلَى بَرَكَةِ اللَّهِ.
الله أكبر! الله أكبر! الله أكبر! والله الحمد.

“KEMBALI KEPADA PENYELESAIAN ISLAM”

**ABDUL HADI AWANG
PRESIDEN PAS**

1447 H / 2025 M



KEMBALI KEPADA PENYELESAIAN ISLAM



Abdul Hadi Awang